



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN DAN PENYERAHAN KUNCI RUMAH PPRT  
TAMAN SINAR SEDILI  
DI BAWAH SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT  
(SPKR)**

**DEWAN TERBUKA TAMAN SINAR SEDILI**

**15 JANUARI 2017 (AHAD)  
WAKTU KETIBAAN : 3.00 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
Terima kasih saudara pengacara majlis;

(SALUTASI)

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, pada hari ini saya berasa amat bertuah kerana dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Perasmian dan Penyerahan Kunci Rumah PPRT Taman Sinar Sedili. Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran tuan-puan dan tahniah kepada semua penerima yang terpilih.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih atas usaha pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan kerjasama pihak Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor serta pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan pembinaan rumah di Taman Sinar Sedili ini. Program bantuan rumah PPRT ini bertepatan dengan usaha kerajaan untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat khususnya di kawasan luar bandar terpelihara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati;

3. Tidak wajar jika saya meneruskan majlis ini tanpa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas keprihatian Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sedili, Kota Tinggi iaitu YB Tuan Haji Rasman Bin Ithnain dalam memperjuangkan nasib dan kebajikan penduduk di kawasan Sedili ini. Permohonan yang dikeutarakan oleh beliau kepada pihak kerajaan pusat pada tahun 2011 bagi membina lebih banyak rumah PPRT berjaya direalisasikan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati;

4. Pemilihan lokasi tapak ini adalah bersesuaian dengan keperluan kelompok masyarakat di daerah ini manakala pemilihan peserta pula adalah berdasarkan Sistem e-Kasih. Untuk makluman, kawasan Sedili merekodkan jumlah penerima Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang tertinggi dalam daerah Kota Tinggi. Permasalahan kawasan (pemilikan tanah individu) yang terhad menyukarkan penerima bantuan yang layak untuk mendapat bantuan perumahan melalui skim ini.

5. Oleh yang demikian, selaras dengan misi dan objektif pihak kementerian untuk merapatkan dan menyeimbangkan pembangunan di kawasan bandar dan luar bandar, lokasi ini dipilih untuk dibangunkan.

6. Kerajaan kita sangat prihatin terhadap keperluan asas rakyat. Keprihatinan ini bukan hanya dizahirkan melalui ucapan, tetapi ianya diterjemahkan melalui komitmen dan juga bantuan seperti penyediaan pelbagai kemudahan asas, iaitu bekalan air bersih, bekalan elektrik, kemudahan jalan raya dan juga rumah kediaman yang selamat dan selesa.

7. Dengan usaha dan hasrat ini juga, kerajaan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah membelanjakan sebanyak RM5.454 juta untuk penyediaan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) untuk negeri Johor. Peruntukan ini telah membiayai pelaksanaan sebanyak 83 unit bina baru dan 175 unit baik pulih rumah di seluruh negeri Johor.

8. Manakala bagi pelaksanaan tahun 2017 pula, kerajaan telah mensasarkan sebanyak 90 unit bina baru dan 506 baik pulih dengan jumlah peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak RM11.618 juta. Unjuran pelaksanaan ini adalah termasuk Program Perumahan Rakyat Termiskin di bawah agensi JAKOA.

9. Selain itu, kerajaan juga turut mengumumkan Rumah Bina Negara (Rumah BN) yang merupakan rumah bagi generasi belia luar bandar. Projek Rumah Bina Negara ini merupakan satu transformasi di bawah fokus kedua di dalam Transformasi Luar Bandar, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW). Pihak kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) berhasrat untuk memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan dan perkhidmatan kepada belia luar bandar dengan menyediakan perumahan kepada generasi kedua yang mencukupi dan meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan bumiputera. Projek ini sekaligus memberi peluang kepada belia generasi muda luar bandar di negara ini untuk memiliki rumah sendiri. Bagi tahun 2017, kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM200 juta bagi pembinaan Rumah Bina Negara dengan sasaran 7000 unit rumah BN akan dibina.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

10. Untuk makluman semua, kos pembinaan Taman Sinar Sedili ini menelan belanja RM15.95 juta yang melibatkan 100 unit rumah PPRT. Pembinaan rumah PPRT secara berkelompok ini turut dilengkapi dengan kemudahan asas seperti surau dan dewan terbuka bagi memastikan suasana yang selesa dan kondusif kepada para penerima rumah PPRT. Selain itu, taman permainan kanak-kanak, gelanggang futsal dan 10 buah unit kedai akan turut dibina secara berperingkat.

11. Adalah diharapkan melalui bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan ini dapat membantu masyarakat luar bandar hidup dalam keadaan yang lebih selesa

dan seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka. Semoga pemberian ini memberikan sinar kebahagiaan kepada anda semua terutamanya kepada 95 orang penerima rumah PPRT yang akan menerima kunci rumah mereka pada petang ini.

12. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada KEJORA atas kejayaan pelaksanaan program ini dan tahniah juga diucapkan kepada semua penerima.

13. Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Johor yang telah mengurniakan tanah bagi memudahkan projek ini dilaksanakan.

14. Semoga pelaksanaan program pembangunan di Taman Sinar Sedili ini terus menerima inisiatif-inisiatif berterusan dari program keusahawanan, ekonomi, pembangunan belia luar bandar dan program modal insan.

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Rumah PPRT, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.